



SITUASI SEMASA
LAPORAN MINGGUAN DEMAM DENGGI NEGERI SELANGOR
 Bagi Minggu Epidemiologi 15/2025 (Tarikh 06.04.2025 - 12.04.2025)



1. Analisa bilangan kes berdasarkan daerah

Pada minggu epidemiologi (ME) 15 iaitu bagi tempoh **06 April 2025** hingga **12 April 2025**, **524** kes demam denggi telah dilaporkan di Negeri Selangor, iaitu **peningkatan** sebanyak **65.3% (207 kes)** berbanding **317** kes pada minggu sebelumnya. Secara kumulatif dari **ME 1/2025** sehingga **ME 15/2025**, sebanyak **7,928** kes demam denggi telah dilaporkan iaitu **penurunan** sebanyak **68.7% (17,407 kes)** berbanding minggu yang sama tahun **2024 (25,335 kes)**. Sebanyak **dua (2)** kes kematian denggi telah dilaporkan setakat ini berbanding **enam (6)** kes sehingga tempoh yang sama pada tahun lepas.

Jadual 1: Perbandingan bilangan kes demam denggi mengikut daerah berdasarkan ME dan tahun sebelumnya

DAERAH	KES			KUMULATIF KES SEHINGGA		
	ME 14/2025	ME 15/2025	% Peningkatan/ Penurunan	ME 14/2024	ME 14/2025	% Peningkatan/ Penurunan
GOMBAK	31	45	45.2%	2,897	840	-71.0%
HULU LANGAT	62	101	62.9%	6,852	1,212	-82.3%
HULU SELANGOR	8	9	12.5%	557	164	-70.6%
KLANG	69	129	87.0%	3,589	1,602	-55.4%
KUALA LANGAT	11	32	190.9%	719	281	-60.9%
KUALA SELANGOR	15	8	-46.7%	362	378	4.4%
PETALING	109	174	59.6%	9,031	2,992	-66.9%
SABAK BERNAM	2	2	0.0%	47	33	-29.8%
SEPANG	10	24	140.0%	1,281	426	-66.7%
SELANGOR	317	524	65.3%	25,335	7,928	-68.7%

ME 14/2025 = (30.3.2025 - 05.4.2025)

ME 15/2025 = (06.4.2025 - 12.4.2025)

**SITUASI SEMASA****LAPORAN MINGGUAN DEMAM DENGGI NEGERI SELANGOR**
Laporan Mingguan Epidemiologi 15/2025 (Tarikh 06.04.2025 - 12.04.2025)**2. Analisa bilangan kes berdasarkan mukim**

Negeri Selangor mempunyai 56 mukim dan mukim yang menunjukkan bilangan kes tertinggi pada **ME 15/2025** adalah **Klang** (90 kes), **Damansara** dan **Petaling** (69 kes), **Kapar** (39 kes), dan **Sungai Buluh** (32 kes). Secara kumulatif, mukim dengan bilangan kes tertinggi adalah **Klang** (1,199 kes), diikuti oleh **Damansara** (1,140 kes), **Petaling** (845 kes), **Sungai Buluh** (795 kes), dan **Kajang** (415 kes).

Jadual 2: Perbandingan bilangan kes demam denggi mengikut mukim berdasarkan ME

DAERAH	MUKIM	BILANGAN KES		
		ME 14/2025	ME 15/2025	KUMULATIF 2025
Petaling	Sungai Buluh	21	32	795
	Petaling	32	69	845
	Damansara	50	69	1,140
	Bukit Raja	6	4	212
Hulu Langat	Kajang	20	30	415
	Hulu Langat	2	3	28
	Ampang	13	23	258
	Cheras	22	27	315
	Semenyih	3	10	111
	Beranang	1	6	72
	Hulu Semenyih	1	2	13
Gombak	Batu	14	17	319
	Hulu Kelang	2	6	114
	Rawang	10	13	204
	Kuang	2	2	87
	Setapak	3	7	116
Klang	Klang	51	90	1,199
	Kapar	18	39	403
Sepang	Labu	0	3	66
	Dengkil	10	17	325
	Sepang	0	4	35
Sabak Bernam	Bagan Nakhoda Omar	0	0	0
	Pancang Bedena	1	2	15
	Pasir Panjang	1	0	10
	Sabak	0	0	4
	Sungai Panjang	0	0	4

ME 14/2025 = (30.3.2025 - 05.4.2025)

ME 15/2025 = (06.4.2025 - 12.4.2025)

**SITUASI SEMASA****LAPORAN MINGGUAN DEMAM DENGGI NEGERI SELANGOR**
Bagi Minggu Epidemiologi 15/2025 (Tarikh 06.04.2025 - 12.04.2025)**Jadual 2: Perbandingan bilangan kes demam denggi mengikut mukim berdasarkan ME (sambungan)**

DAERAH	MUKIM	BILANGAN KES		
		ME 14/2025	ME 15/2025	KUMULATIF 2025
Hulu Selangor	Serendah	1	2	71
	Batang Kali	2	0	25
	Ampang Pecah	0	0	2
	Hulu Bernam	4	6	43
	Kalumpang	1	1	8
	Hulu Yam	0	0	6
	Rasa	0	0	6
	Kerling	0	0	2
	Buluh Telur	0	0	0
	Pertak	0	0	0
	Sg. Gumut	0	0	1
	Sg. Tinggi	0	0	0
	Kuala Kalumpang	0	0	0
	Kuala Selangor	Ijok	7	5
Tanjung Karang		2	0	11
Jeram		0	1	35
Kuala Selangor		4	2	120
Pasangan		1	0	7
Hujung Permatang		0	0	5
Api-Api		0	0	6
Batang Berjuntai		1	0	18
Hulu Tinggi		0	0	0
Kuala Langat	Tanjung 12 (1)	4	8	99
	Tanjung 12 (2)	0	6	42
	Teluk Panglima Garang	6	18	112
	Batu	0	0	9
	Morib	1	0	7
	Jugra	0	0	7
	Bandar	0	0	3
	Kelanang	0	0	2
SELANGOR		317	524	7,928

ME 14/2025 = (30.3.2025 - 05.4.2025)

ME 15/2025 = (06.4.2025 - 12.4.2025)



3. Analisa bilangan lokaliti wabak

Jumlah lokaliti wabak denggi aktif pada hari ke-tujuh (Sabtu) **ME 15/2025** adalah sebanyak **141** dengan perincian **lokaliti hotspot 11, wabak tak terkawal 15 dan wabak terkawal 115**. Bilangan lokaliti **hotspot** berdasarkan daerah adalah **Petaling 7, Klang 3, dan Hulu Selangor 1**. Senarai lokaliti wabak tak terkawal dan **hotspot** adalah seperti di Lampiran C.

Jadual 3: Bilangan lokaliti wabak mengikut daerah

Daerah	Bilangan Lokaliti Wabak						Jumlah Lokaliti Wabak Aktif	
	Wabak Terkawal		Wabak Tak Terkawal		Hotspot		ME 14/2025	ME 15/2025
	ME 14/2025	ME 15/2025	ME 14/2025	ME 15/2025	ME 14/2025	ME 15/2025		
Petaling	47	44	3	6	7	7	57	57
Hulu Langat	18	26	2	3	1	0	21	29
Gombak	7	6	0	0	0	0	7	6
Klang	35	33	3	6	5	3	43	42
Selangor	0	0	0	0	0	0	0	0
Hulu Selangor	2	1	0	0	1	1	3	2
Kuala Langat	6	3	0	0	0	0	6	3
Kuala Selangor	5	2	0	0	1	0	6	2
Sabak Bernam	0	0	0	0	0	0	0	0
SELANGOR	138	115	8	15	15	11	143	141

Wabak Terkawal : dua atau lebih kes dilaporkan di lokaliti yang sama dalam tempoh 14 hari.

Wabak Tak Terkawal : terdapat pertambahan kes selepas hari ke 14 dari tarikh kes kedua dilaporkan.

Hotspot : lokaliti wabak aktif berlarutan melebihi tempoh 30 hari dari tarikh wabak aktif bermula.

Tarikh wabak aktif bermula dari tarikh kes kedua dilaporkan.

4. ULASAN

1. Pada ME 15/2025, sejumlah 524 kes demam denggi telah dilaporkan, menunjukkan peningkatan sebanyak 65.3% iaitu 207 kes berbanding ME 14/2025. Kumulatif kes demam denggi di Negeri Selangor kini berjumlah 7928 kes dan mencatatkan penurunan ketara sebanyak 68.7% (17,407 kes) berbanding minggu yang sama tahun 2024 (25,335 kes).

2. Jumlah lokaliti wabak aktif juga menunjukkan penurunan, dengan 141 lokaliti pada ME 15/2025 berbanding 143 lokaliti pada ME 14/2025. Daerah Petaling kekal sebagai daerah dengan lokaliti wabak aktif tertinggi, mencatatkan 57 lokaliti, dengan bilangan lokaliti hotspot kekal sebanyak 7 lokaliti. Sementara itu, daerah yang mencatatkan lokaliti wabak kedua tertinggi ialah Klang iaitu 42 lokaliti dengan 3 lokaliti hotspot dan diikuti Hulu Langat dengan 29 lokaliti. Tiada lokaliti hotspot dilaporkan di daerah Hulu Langat pada ME 15/2025..

3. Walaupun secara keseluruhan Negeri Selangor mencatatkan penurunan bilangan kes berbanding tahun sebelumnya, namun peningkatan ketara pada ME 15/2025 perlu diberi perhatian. Langkah-langkah kawalan dan pencegahan perlu dilaksanakan secara berterusan dengan mengambilkira risiko penularan tetap wujud, terutama di lokaliti hotspot yang masih aktif serta pergerakan yang banyak di musim perayaan.

4. Kerjasama berterusan daripada semua pihak termasuk agensi berkaitan dan komuniti adalah amat penting bagi memastikan trend peningkatan mingguan ini dapat dikawal. Aktiviti penguatkuasaan, komunikasi risiko serta aktiviti cari dan musnah pembiakan Aedes perlu diteruskan dengan intensif, khususnya di kawasan berisiko tinggi. Masyarakat juga disarankan untuk melaksanakan 10 minit aktiviti pembersihan setiap minggu bagi menghapuskan tempat pembiakan nyamuk Aedes di sekitar kediaman masing-masing.

5. Aktiviti ini mampu dilaksanakan dengan mudah melalui langkah-langkah berikut:



- Memeriksa bahagian dalam dan luar (persekitaran) kediaman untuk mencari tempat berpotensi pembiakan aedes;
- Memusnahkan semua takungan air yang tidak digunakan atau meletakkan ubat pembunuh jentik-jentik dalam tempat takungan air yang tidak dapat dimusnahkan;
- Bagi takungan air kekal yang disimpan untuk kegunaan, hendaklah sentiasa ditutup rapat dan diletakkan ubat pembunuh jentik-jentik serta diperiksa seminggu sekali.
- Memakai repellen dan pakaian yang menutupi lengan dan kaki untuk mengelakkan gigitan nyamuk.
- Melaksanakan gotong royong di tempat awam secara berkala

6. Sebarang maklumat tambahan berkaitan kawalan dan pencegahan denggi boleh diperolehi melalui <https://www.infosihat.gov.my/index.php/demam-denggi> dan <https://idengue.mysa.gov.my/>


Tarikh: 14/4/2025

Sumber data : e-Dengue


Disemak oleh : Dr Intan Saffura binti M Ramly
 Jawatan : Ketua Penolong Pengarah Kanan
 Unit : Kawalan Penyakit Bawaan Vektor
 Tarikh : 14/04/2025




**CARTA KES MINGGUAN DENGGI YANG DIDAFTR BAGI TAHUN 2024-2025
(HULU LANGAT)**




**CARTA KES MINGGUAN DENGGI YANG DIDAFTR BAGI TAHUN 2024-2025
(KLANG)**




**CARTA KES MINGGUAN DENGGI YANG DIDAFAR BAGI TAHUN 2024-2025
(GOMBAK)**




**CARTA KES MINGGUAN DENGGI YANG DIDAFAR BAGI TAHUN 2024-2025
(SEPANG)**




**CARTA KES MINGGUAN DENGGI YANG DIDAFTR BAGI TAHUN 2024-2025
(HULU SELANGOR)**




**CARTA KES MINGGUAN DENGGI YANG DIDAFTR BAGI TAHUN 2024-2025
(KUALA SELANGOR)**




**CARTA KES MINGGUAN DENGGI YANG DIDAFTAR BAGI TAHUN 2024-2025
(KUALA LANGAT)**



**CARTA KES MINGGUAN DENGGI YANG DIDAFTAR BAGI TAHUN 2024-2025
(SABAK BERNAM)**





Senarai lokaliti wabak tak terkawal dan *Hotspot* di Selangor

Tarikh Aktiviti: 12/4/2025

BIL	DAERAH	MUKIM	LOKALITI WABAK	JUMLAH KES
WABAK TAK TERKAWAL				
1	HULU LANGAT	AMPANG	PANGSAPURI TAMAN AMPANG MEWAH	8
2	HULU LANGAT	CHERAS	JALAN DAYANG 2,4,6,8,10,12,14,16,18,20,22&24/8 BANDAR MAHKOTA CHERAS	7
3	HULU LANGAT	KAJANG	JALAN 9/9A-M SEKSYEN 9 BANDAR BARU BANGI	9
4	KLANG	KAPAR 01	TAMAN KLANG UTAMA 09	10
5	KLANG	KLANG (MBSA 01)	SEKSYEN 25 (CIPTA CONDOMINIUM)	14
6	KLANG	KLANG (MBSA 01)	SEKSYEN 35 (DESA KEMUNING)	7
7	KLANG	KLANG 01	KAMPUNG DELEK KANAN 05	7
8	KLANG	KLANG 01	PANGSAPURI PERDANA VILLA	4
9	KLANG	KLANG 01	TAMAN TELUK GEDUNG INDAH JALAN SAMAGAGAH	6
10	PETALING	3. SUNGAI BULOH (MBSA)	E5. SEKSYEN U6 (KG MELAYU SUBANG I : JLN PKNS)	8
11	PETALING	5. DAMANSARA (MBPJ)	E11. SRI PJU 1A PPRT 1 BLOK (A,B,C)	6
12	PETALING	5. DAMANSARA (MBPJ)	E9. KT SS 8 APT KELANA IMPIAN	8
13	PETALING	7. DAMANSARA (MBSJ)	E13. USJ 8 (SUBANG PERDANA GOODYEAR COURT 5)	4
14	PETALING	8. PETALING (MBSJ)	E14. TMN KINRARA (JLN TK 2)	6
15	PETALING	8. PETALING (MBSJ)	E16. KOTA PERDANA KP 4 (KOTA IMPIAN) BLOK A, B, C	6

BIL	DAERAH	MUKIM	LOKALITI WABAK	JUMLAH KES
HOTSPOT				
1	HULU SELANGOR	HULU BERNAM	APT. SRI BESTARI, TMN BAHTERA	27
2	KLANG	KLANG 01	BANDAR BOTANIK JALAN JENARIS 02	6
3	KLANG	KLANG 01	KAMPUNG DELEK KIRI 04	10
4	KLANG	KLANG 01	TAMAN TELUK GEDUNG INDAH JALAN SUNGAI SAMAGAGAH	9
5	PETALING	1. BUKIT RAJA (MBSA)	E1. SEKSYEN 7 (TERES J : JLN 7/63-7/69A & AQUAVILLA TOWNHOUSE)	8
6	PETALING	4. SUNGAI BULOH (MBPJ)	E7. KD PJU 5 SEK 6 PALMA PERAK	14
7	PETALING	7. DAMANSARA (MBSJ)	E13. SS 15/4 (RUMAH KEDAI, FIRST SUBANG & KOLEJ INTI)	6
8	PETALING	7. DAMANSARA (MBSJ)	E14. KG BUKIT LANCHONG (JLN MASJID/ JLN BESAR)	6
9	PETALING	8. PETALING (MBSJ)	E13. PJS 9/1 (LAGOON PERDANA & RUMAH KEDAI)	13
10	PETALING	8. PETALING (MBSJ)	E15. TMN SAUJANA PUCHONG SP 7	20
11	PETALING	8. PETALING (MBSJ)	E16. KOTA PERDANA (JLN KP 2)	6